

BESTARI

HARGAI JASA BAKTI

UPM rai 519 kakitangan
bertugas cemerlang



CEMERLANG...{dari kiri) Abdul Rashid Harun, Dr Jalaludin, Norlea Mat Taib, Dr Arfah Salleh, Dr Sidek Abd Aziz, Dr Yaakob Che Man dan Dr Azmi Datuk Yahya selepas majlis Hari Aspersiasi Staf. — Gambar MOHD SAIRIEN NAFIS

Oleh Noor Azam Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengiktiraf jasa warganya yang mendukung kecemerlangan pada majlis Hari Aspresiasi Staf, baru-baru ini.

Seramai 519 warga kerjanya yang bertungkus-lumus melaksanakan tugas demi kecemerlangan UPM diraikan pada majlis itu di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis penghargaan empat dalam satu itu merangkumi penyampaian anugerah Fellowship Naib Canselor, Perkhidmatan Cemerlang, Setia Putra dan Jasa Putra.

Antara kecemerlangan yang dicapai sebelum ini adalah kejayaan kontinen perarakan berjalan kaki mendapat tempat pertama di Perbarisan dan Perarakan Sambutan Kemerdekaan Ke-47 peringkat kebangsaan pada Ogos lalu.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardiae dalam ucapannya, mengucapkan tahniah kepada penerima kerana bersama dengan pengurusan universiti mengejar impian ke arah kecemerlangan.

Menurutnya, warga UPM gembira dengan pengumuman kerajaan menerusi ucapan Bajet 2005 untuk menjadikan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian.

"Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memerlukan kita meningkatkan komitmen dan daya usaha merealisasikan harapan kerajaan menjadikan UPM Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian," katanya.

Beliau yakin dengan sikap bekerjasama, tolong-menolong dan tolak ansur di kalangan warga UPM, perancangan menjadikan universiti bertaraf dunia mampu dicapai dengan jayanya.

Beberapa penerima anuge-

rah ketika ditemui berterima kasih kepada UPM kerana mengiktiraf kebolehan kampus itu dalam penyelidikan, pengajaran dan menjalankan tugas pengurusan.

Penerima Anugerah Kategori Cemerlang Dalam Pengajaran, Profesor Madya Dr Sidek Abd Aziz dari Fakulti Sains berkata teknik pendidikan berkesan penting dalam melahirkan graduan cemerlang dan matang.

Menurutnya, walaupun pelajar sudah berada di alam universiti mereka sering diingatkan supaya sentiasa bersikap matang untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak.

"Saya sering mengamalkan sikap terbuka dengan pelajar dan mahu mereka bersikap lebih matang supaya apa saja ilmu diperolehi dapat digunakan sepenuhnya secara teori atau praktikal," katanya.

Beliau juga gembira kerana terpilih sebagai seorang daripada dua penerima anugerah berkenaan.

Penerima Anugerah Kategori Cemerlang Dalam Perkhidmatan Profesional, Dr Jalaludin Harun dari Fakulti Perhutanan pula gembira kerana UPM mengiktiraf kerja penyelidikan dilakukannya.

Beliau yang sudah menceburri bidang penyelidikan dan pembangunan selama 15 tahun berjaya menghasilkan bio-komposit iaitu gentian asli untuk produk komersial.

"Ini adalah satu pengiktirafan dan kejayaan, ia menyemarakkan semangat saya untuk terus berusaha gigih menghasilkan produk terbaik, sekali gus menaikkan nama UPM di peringkat antarabangsa," katanya.

Penerima Anugerah Kategori Cemerlang Dalam Penyelidikan, Profesor Madya Dr Azmi Datuk Yahya dari Fakulti Kejuruteraan menganggap anugerah itu satu sokongan kepada dirinya untuk mempertingkatkan diri dalam penyelidikan.